

~~262~~  
~~30/79~~

UCAPAN YAB DATUK HUSSEIN UMI,  
TIMBALAN PERDANA MENTERI DALAM  
PERAYAAN THAIFUSAN PADA HARI SABU  
618 FEBRUARI, 1974 PUKUL 5.00 PETANG  
DI BATU CAVES, KUALA LUMPUR.

Pengerusi Perayaan Thai Pusam,

Saudara-saudara, khasnya penganut agama Hindu,

1. Saya sangat sukacita kerana dapat berada di tengah-tengah saudara pada petang ini untuk turut menyaksikan Perayaan Thai Pusam. Saya diberitahu bahawa Thai Pusam adalah satu hari yang mulia sebagai memulakan Dewa Muruga di atas jasa dan pengajarannya kepada pemeluk-pemeluk agama Hindu. Pengajaran yang diberikan oleh Dewa Muruga kepada penganut-penganut agama Hindu melambungkan segala sesuatu yang suci dan mulia yang boleh dicapai oleh umat manusia khasnya orang-orang yang beragama Hindu.

2. Perkara yang saya sangat tertarik hati daripada pengajaran Dewa Muruga ini ialah ia sebagai anak dan masih sebagai kanak-kanak telah dapat memberikan satu

penilaian dan pengajaran kepada bapanya, Dewa Siva tentang amal dan kebajikan kepada umat manusia. Hal ini sangatlah penting dalam konteks kehidupan di Malaysia serta boleh memberi pengajaran kepada kita. Pada masa sekarang ketika anak-anak dan belia, kerana dipengaruhi oleh kehidupan moden dan juga unsur-unsur kehidupan Barat, telah didapati anak-anak tidak lagi menghormati bapa dan orang tua dan sebaliknya telah melakukan kecurangan dan perbuatan yang tidak bersopan kepada orang tua.

3. Dalam hal Dewa Muruga ini, saya diberitahu ia telah memberikan satu pengajaran yang berguna tentang perlunya hidup suci sehingga bapa sekalipun dapat mematuhi kepada pengajaran yang baik, sekalipun daripada anaknya sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

4. Perayaan Thaipusam ini merupakan satu aspek kebudayaan dan keagamaan yang besar pada orang-orang beragama Hindu. Dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa dan berbilang bangsa & keturunan ini, Perayaan Thaipusam bukan saja diikuti dengan penuh minat oleh penganut-penganut agama Hindu, tetapi masyarakat-masyarakat lain turut menyaksikan dengan penuh hormat terhadap Perayaan ini. Ini mencerminkan tentang kejayaan dasar Kerajaan terhadap "religious tolerance" yang sama-sama kita nikmati di negara ini. Saya harap inilah salah satu faktor yang menjadi landasan kepada perpaduan rakyat Malaysia di masa depan.

Saudara-saudara,

5. Satu perkara yang patut saya terangkan di sini ialah pendapat saya mengenai tempat ini iaitu "Batu Caves". Sakerang saya telah dapat menyaksikan sendiri bagaimana perkembangan di kawasan ini dan juga "controversy" yang timbul akibat dari perusahaan memecah batu yang berjalan di sekeliling kawasan ini. Saya sedar dan Kerajaan juga mengambil ingatan bahawa adalah mustahak mengindahkan kepentingan orang ramai dengan kepentingan perusahaan. Oleh sebab, pada masa ini terdapat tuntutan supaya Kerajaan bertindak mengekalkan kedudukan kawasan ini dengan "flora dan fauna"nya, supaya tidak terjejas, saya sukalah mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Kerajaan merasa bertanggungjawab tentang kebajikan penduduk kawasan ini baikpun daripada segi pemandangan asal maupun daripada segi kesihatan mereka.

6. Saya sukalah memberi pengakuan bahawa saya akan berunding dengan YAB Perdana Menteri mengenai kedudukan ini supaya satu-satu langkah tegas dapat diambil mengenai soal pemeliharaan kepentingan dan keaslian Batu Caves ini.

7. Saya sedar bahawa tempat ini adalah menjadi tumpuan kepada saudara-saudara sekalian yang beragama Hindu dan Kerajaan juga telah mengambil langkah untuk menjadikan tempat ini sebagai satu "tourist attraction" dan berusaha memajukannya supaya dapat menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

8. Akhir kata, saya dan Datin inginlah mengucapkan terimakasih kepada saudara-saudara kerana kehormatan dan peluang yang diberikan untuk bersama-sama di Perayaan Theipusam ini.

9. Semoga saudara-saudara yang beragama Hindu akan mendapat tuah dari Hari Thatpusan ini.

Terimakasih.



Handwritten signature and date: 1970/10/14



No Siri	586
N <sup>o</sup> Penerimaan	96/79